



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI
RUMAWIP RESIDENSI GURNEYMAS**

**RESIDENSI GURNEYMAS, JALAN
PADANG TEMBAK, KAMPUNG DATUK
KERAMAT, WP KUALA LUMPUR**

1 DISEMBER 2018 (SABTU)

JAM 12.00 TENGAHARI

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

(Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur)

YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha

(Pengurusan dan Sosio Ekonomi)

Kementerian Wilayah Persekutuan

YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan

Datuk Bandar Kuala Lumpur

YBhg. Tan Sri Datuk Chai King Kong

Pengerusi Kumpulan Aset Kayamas Sdn Bhd

Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi,

Rakan-Rakan Media,

Para Jemputan,

Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan, Puan-Puan dan seterusnya Para Pembeli RUMAWIP Residensi Gurneymas yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya kita dapat berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.

2. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd di atas jemputan untuk merasmikan majlis penyerahan kunci ini sebagai simbolik menandakan penyempurnaan projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) ini untuk diserahkan kepada pembeli yang bertuah.

3. Melalui syarikat bersekutunya, Era Ecoland Sdn Bhd, pembangunan projek RUMAWIP Residensi Gurneymas ini dibina secara usaha sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di

atas tanah berkeluasan 0.76 ekar dan menawarkan sebanyak 274 unit kediaman berketinggian 34 tingkat pada harga RM198,000. Setiap unit mempunyai tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dengan keluasan 800 kaki persegi dan satu (1) petak tempat letak kereta berbumbung.

4. Saya dimaklumkan bahawa Residensi Gurneymas ini merupakan projek RUMAWIP yang keenam (ke-6) berjaya disiapkan oleh Aset Kayamas.

5. Secara keseluruhannya sebanyak 4,496 unit kediaman telah disumbangkan oleh pihak pemaju di bawah program RUMAWIP. Saya juga dimaklumkan, terdapat 3,005 unit lagi akan siap dibina pada tahun hadapan melibatkan pembangunan Residensi Kepongmas, Jalilmas dan Wangsamamas.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Saya Hormati
Sekalian,

6. Tidak dinafikan bahawa program Rumah Mampu Milik ini amat signifikan dalam pembangunan sosio ekonomi Wilayah Persekutuan. Justeru, Kerajaan memutuskan untuk meneruskan program Rumah Mampu Milik kerana program ini adalah untuk kepentingan rakyat.

7. Untuk makluman semua, sehingga November 2018 terdapat sebanyak 55,974 unit Rumah Mampu Milik melibatkan 89 projek yang telah mendapat kelulusan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan dengan 80 buah projek di Kuala Lumpur, 2 projek di Putrajaya dan 7 projek di Labuan.

8. Walau bagaimanapun, pentadbiran baharu Kerajaan akan sentiasa melakukan

penambahbaikan yang positif dalam memastikan kediaman yang ditawarkan pada masa akan datang adalah memenuhi keperluan semasa rakyat dalam persekitaran yang lebih selesa, kondusif, mesra keluarga dan praktikal dalam lingkungan harga yang mampu dibiayai oleh rakyat .

9. Di samping itu, Kerajaan akan memastikan setiap langkah ke hadapan dalam program Rumah Mampu Milik adalah di atas dasar ketelusan, integriti dan mendukung amanah yang dipertanggungjawabkan agar pelaksanaannya menjadi lebih telus dan dapat dinikmati oleh kumpulan sasar yang betul-betul memerlukan.

10. Kepada mereka yang berminat untuk membeli kediaman melalui program Rumah Mampu Milik ini, anda boleh mendaftar permohonan di portal rasmi RUMAWIP. Masih banyak lagi unit-unit rumah di

dalam projek-projek RUMAWIP lain yang masih dibuka untuk jualan.

11. Akhirnya, sekali lagi saya ucapkan sekalung tahniah kepada Aset Kayamas Sdn Bhd, Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL dan semua pihak yang terlibat atas usaha yang digembleng secara bersama dalam menjayakan projek pembangunan RUMAWIP Residensi Gurneymas ini.

12. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Residensi Gurneymas.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.